

07/01/2001

Tindakan Hamid perlu jadi teladan

KIAU ucap syabas kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman kerana umum letak jawatan.

Bukan tujuan Kiau nak perli dia atau nak paksa dia berhenti. Kiau hormat dia pasal dia orang baik. Tapi orang baik tak semestinya selamat dalam politik.

Kiau ucap syabas pasal tak banyak orang dalam kedudukan macam dia sanggup letak jawatan. Ancam letak jawatan lepas itu tarik balik banyaklah. Yang menangis dan merayu jangan dibuang pun banyak juga. Khabarnya yang berguling atas lantai minta jawatan pun ada.

Tapi yang betul-betul letak jawatan jarang sangat. Maklum sajalah bukan senang turun daripada tempat tinggi. Kiau tahulah pasal dah rasa sendiri. Tapi tak ada banyak tanggungjawab pun seronok juga.

Kalau kita dah tak boleh buat lagi apa yang orang suruh atau orang dah tak mahu kepada kita, kita kenalah tahu harga diri kita.

Orang putih kata undur diri 'gracefully' - dengan sopan santun dan tak banyak ragam dan kerenah. Macam itu orang pun suka dan orang simpati.

Hamid kata, dia nak tumpu masa buat fardu kifayah satukan balik orang Islam yang pecah-belah.

Tak kiralah apa dia nak buat, yang penting dia undur diri dengan sukarela. Kita pun tak dengar dia kena paksa. Jadi kita kenalah hormat keputusan dia dan ucapkan selamat maju jaya dalam apa yang dia buat selepas ini.

Apatah lagi dia kata dia nak tumpu masa buat fardu kifayah. Ini sangat penting pasal kita tengok orang kita ambil berat fardu ain tapi lalai fardu kifayah.

Kiau bukan orang agama. Tapi kita semua tahu kalau fardu ain penting, fardu kifayah lagi penting. Kalau kita tak buat fardu ain, kita saja yang tanggung dosa. Tapi kalau kita tak buat fardu kifayah, pihak lain turut tanggung dosa.

Kata si tiong, Hamid letak jawatan untuk bagi laluan kepada Perdana Menteri rombak Jemaah Menteri. Boleh jadi jugalah Perdana Menteri sudah ada calon yang sesuai untuk ganti Hamid.

Tapi boleh jadi juga bukan Hamid saja akan diganti. Kata si tiong lagi, beberapa Menteri lain boleh jadi diganti manakala yang lain akan bertukar jawatan. Itu hak Perdana Menteri lah.

Apa pun orang kata mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dia jarang sangat buang orang. Apabila terpaksa baru dia buat. Itu pun tak banyak. Ada orang kata, dia cakap keras tapi apabila bersemuka dia lembut. Kalau berguling dan menangis dia ambil balik. Kita mintalah Perdana Menteri jangan layan lagi perangai macam itu.

Sekarang marah punya pasal, banyak yang sudah lupa apa yang dia buat untuk negara. Yang ke hulu hilir dengan Proton dan Kancil keji dan caci dia pun dah lupa yang Dr Mahathirlah pengasas Proton dan Kancil.

Kiau ingat lagi apabila dia cadangkan Projek Kereta Nasional Proton pada awal 1980-an, ada ahli Kabinet dia sendiri yang bantah. Pensyarah universiti lebih lagilah. Ada yang kata projek itu akan jadi gajah putih. Hari ini orang panggil projek mega.

Tapi mereka tak tahu projek mega itulah yang bantu pulihkan ekonomi negara pada pertengahan 1980-an dan sekali lagi apabila krisis mata wang Asia terjadi pada 1997.

Rombakan Kabinet ini kalau berlaku adalah penting. Lepas pilihan raya

1999, tak banyak perubahan dibuat. Sekarang setahun dah berlalu, tiga atau empat tahun lagi pilihan raya umum terpaksa diadakan. Pilihan raya umum kita selalunya lebih awal daripada tamat tempoh.

Lagi pun, kalau Perdana Menteri yang juga Presiden Umno hendak serahkan lebih banyak kuasa pentadbiran kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, elok sangatlah Kabinet diperkukuhkan dengan orang baru yang berkaliber, berkewibawaan dan dinamik.

Dengan itu, bolehlah Presiden Umno tumpu lebih banyak masa kepada kerja parti dan berjumpa dengan ahli biasa di seluruh negara. Dia pun dah kata dia nak jumpa mereka.

Ini sangat sesuai dengan ketibaan pemilihan parti pada peringkat bahagian. Apa yang Dr Mahathir nak nasihat itu hak dialah. Tapi Kiau rasa ketua bahagian Umno yang kalah dalam Pilihan Raya Umum 1999 atau yang dah lama pegang jawatan, eloklah bagi peluang kepada orang lain bertanding dan terajui bahagian.

Janganlah kerana berasa diri penting, kebajikan parti diketepikan. Bagilah peluang kepada orang lain pula. Yang menang pula, janganlah ketepikan yang kalah. Ambillah mereka balik sebagai penasihat dan orang tua parti.

Umno kena luaskan laluan dan banyakkkan peluang di semua peringkat untuk orang muda masuk dan main peranan yang cergas.

(END)